



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KEUSAHAWANAN
DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN TANI DALAM
KALANGAN PELAJAR PERTANIAN***

MOHD ZAILANI BIN IBRAHIM

FPP 2014 39



**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KEUSAHAWANAN
DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN TANI DALAM
KALANGAN PELAJAR PERTANIAN**

MOHD ZAILANI BIN IBRAHIM

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2014



**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KEUSAHAWANAN DENGAN TEKAD
KEUSAHAWANAN TANI DALAM KALANGAN PELAJAR PERTANIAN**

Oleh

MOHD ZAILANI BIN IBRAHIM

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KEUSAHAWANAN DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN TANI DALAM KALANGAN PELAJAR PERTANIAN

Oleh

MOHD ZAILANI IBRAHIM

Februari 2014

Pengerusi : Ramlah Hamzah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti tekad keusahawanan tani pelajar pertanian dan hubungannya dengan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif di mana responden kajian terdiri daripada 589 pelajar tingkatan 4 pertanian yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Vokasional (Pertanian) dalam Zon Tengah Semenanjung Malaysia. Kajian ini dibina berdasarkan teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991). Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi lima bahagian, iaitu tekad keusahawanan tani, ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan, nilai sosial usahawan tani dan demografi responden. Keputusan dari kajian mendapati bahawa tahap tekad keusahawanan tani pelajar pertanian keseluruhannya ialah pada tahap sederhana tinggi ($\text{min}=3.79$, $\text{SP}=.65$), manakala terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara efikasi keusahawanan ($r=.64$, $p<.05$), nilai sosial usahawan tani ($r=.43$, $p<.05$) dan ciri-ciri keusahawanan ($r=.28$, $p<.05$) dengan tekad keusahawanan tani. Sebagai rumusan, tekad keusahawanan tani pelajar pertanian keseluruhannya adalah sederhana tinggi dan terdapat hubungan yang signifikan tekad keusahawanan tani dengan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani. Oleh itu perancangan dan pelaksanaan program-program yang boleh meningkatkan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani adalah penting bagi meningkatkan tekad keusahawanan tani pelajar agar pelajar pertanian berkeyakinan penuh untuk menjadi usahawan tani yang berjaya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN ENTREPRENEURSHIP SELF-EFFICACY
WITH AGRO-ENTREPRENEURIAL INTENTIONS AMONG AGRICULTURE
STUDENTS**

By

MOHD ZAILANI IBRAHIM

Februari 2014

Chairman : Ramlah Hamzah, PhD

Faculty : Educational Studies

The purpose of the study is to identify the agro-entrepreneurial intentions among agriculture students and the relationship with entrepreneurial characteristics, entrepreneurship self-efficacy and agro-entrepreneur social value. The method used in this study was descriptive-surveying which involved 589 form 4 students of agriculture study in secondary schools and Vocational schools (agriculture) in middle zone of Peninsular Malaysia. The theoretical framework of the study was mainly based from the theory of planned behavior by Ajzen (1991). Data was collected using questionnaire which consisted of five parts, namely agro-entrepreneurial intentions, entrepreneurial characteristics, entrepreneurship self-efficacy, agro-entrepreneur social value and students' demography. The results show that the level of agro-entrepreneurial intentions among agriculture students are on high moderate level (mean=3.79, SD=.65) which display a positive relationship and have a significant correlation between entrepreneurship self-efficacy ($r=.64$, $p<.05$), agro-entrepreneur social value ($r=.43$, $p<.05$) and entrepreneurial characteristics ($r=.28$, $p<.05$) with entrepreneurial intentions. As a conclusion, the agro-entrepreneurial intentions among agricultural students as a whole is at a moderate level. There are significant and positive relationships of agro entrepreneurial intentions with entrepreneurial characteristic, entrepreneurship self-efficacy and the social value of agro-entrepreneur students. Therefore, the planning and implementation of related programmes such as entrepreneurial characteristic, entrepreneurship self-efficacy and students' agro-entrepreneur social value are important to increase students' agro-entrepreneurial intentions so that they have the full confidence and devotion to be successful agro-entrepreneurs.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi atas Hidayah-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menyiapkan tesis ini.

Setinggi penghargaan dirakamkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Prof. Madya Dr. Ramlah Hamzah, yang sentiasa memberi dorongan dan bimbingan sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Setinggi penghargaan turut dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Ibrahim Nazri, selaku ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, yang tidak jemu memberi panduan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada sumber inspirasi, iaitu isteri tercinta Nor Asiah Ariffin dan anak-anak tersayang Ainis Shareezan, Ainis Salwani, Afiq Amirullah, Afiq Amartullah, Afiq Amanullah dan Siti Ainsyah yang sentiasa memberi galakan dalam menyempurnakan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksaan telah berjumpa pada 5 Februari 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Zailani Bin Ibrahim untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan Antara Efikasi Keusahawanan Dengan Tekad Keusahawanan Tani Dalam Kalangan Pelajar Pertanian” mengikut Akta Universiti dan Kolej 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Turiman Suandi, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azizan Asmuni, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Suhaida Abd Kadir, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nor Aishah Buang, PhD

Profesor
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan
Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ramlah Hamzah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Ibrahim Nazri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Jun 2014

PERAKUAN

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: 5 Februari 2014

Nama dan No. Matrik: Mohd Zailani Bin Ibrahim (GS29037)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Batasan Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	7
	1.8.1 Tekad Keusahawanan Tani	7
	1.8.2 Ciri-Ciri Keusahawanan	8
	1.8.3 Efikasi Keusahawanan	9
	1.8.4 Nilai Sosial Keusahawanan Tani	9
2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Konsep Usahawan dan Keusahawanan	10
2.3	Tekad Keusahawanan	11
2.4	Ciri-Ciri Keusahawanan	13
2.5	Efikasi Keusahawanan	18
2.6	Nilai Sosial Keusahawanan Tani	20
2.7	Tekad Keusahawanan Tani dan Demografi Pelajar	22
2.8	Kajian-Kajian Berkaitan Tekad Keusahawanan Tani	27
2.9	Pendekatan Teori dan Model Keusahawanan	29
	2.9.1 Teori Tingkahlaku Terancang Ajzen	29
	2.9.2 Model Tekad Keusahawanan Krueger dan Casrud (1993)	32
	2.9.3 Teori dan Model Tekad Keusahawanan Davidsson (1995)	32
	2.9.4 Model Tekad Keusahawanan Bird	33

2.10	Kerangka Konseptual Kajian	34
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	37
3.2	Rekabentuk Kajian	37
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.4	Lokasi Kajian	41
3.5	Instrumen Kajian	41
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	43
3.7	Kajian Rintis	43
3.8	Pengumpulan Data	44
3.9	Pengnalisieren Data	44
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Profil Demografi Responden Kajian	46
4.3	Tahap Tekad Keusahawanan Tani, Ciri-Ciri Keusahawanan, Efikasi Keusahawanan dan Nilai Sosial Keusahawanan Tani Dalam Kalangan Pelajar Pertanian	50
4.3.1	Tahap Tekad Keusahawanan Tani	50
4.3.2	Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan	52
4.3.3	Tahap Efikasi Keusahawanan	58
4.3.4	Tahap Nilai Sosial Keusahawanan Tani	60
4.4	Hubungan Antara Tekad Keusahawanan Tani Dengan Ciri-Ciri Keusahawanan, Efikasi Keusahawanan dan Nilai Sosial Kesahawanan Tani	63
4.5	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Faktor Demografi Pelajar	63
4.5.1	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Jantina	63
4.5.2	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pekerjaan Bapa	64
4.5.3	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pekerjaan Ibu	64
4.5.4	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pengalaman Perniagaan Dan Keusahawanan	65
4.5.5	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pilihan Mata Pelajaran KHB	65
4.5.6	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Aliran	66
4.5.7	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Lokasi Sekolah	67

5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	68
5.2	Rumusan	68
5.3	Perbincangan	69
5.3.1	Demografi Pelajar	69
5.3.2	Tahap Tekad Keusahawanan Tani Pelajar	70
5.3.3	Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan dan Hubungannya Dengan Tekad Keusahawanan Tani	71
5.3.4	Tahap Efikasi Keusahawanan dan Hubungannya Dengan Tekad Keusahawanan Tani	73
5.3.5	Tahap Nilai Sosial Keusahawanan Tani dan Hubungannya Dengan Tekad Keusahawanan Tani	75
5.3.6	Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Profil Demografi Responden	77
5.4	Implikasi dan Cadangan	80
5.5	Kesimpulan	83
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	85
	BIBLIOGRAFI	86
	LAMPIRAN	99

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Yang Menawarkan Mata Pelajaran Elektif Sains Pertanian Dan Enrolmen Pelajar Tingkatan 4 Tahun 2012 di Negeri Perak, Kuala Lumpur dan Selangor	38
3.2 Bilangan Sekolah Menengah Vokasional Yang Menawarkan Mata Pelajaran Pertanian Dan Enrolmen Pelajar Tingkatan 4 Tahun 2012 di Semenanjung Malaysia	38
3.3 Bilangan Responden Yang Diperlukan Di SMK Dalam Zon Tengah dan Di SMV Pertanian Semenanjung Malaysia	39
3.4 Bilangan Responden Yang Diperlukan Di SMK Dalam Setiap Negeri Zon Tengah	39
3.5 Bilangan Responden Yang Diperlukan Di SMV Pertanian Di Semenanjung Malaysia	40
3.6 Bilangan Responden Yang Diperlukan Bagi Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan di Bandar dan Luar Bandar Di Tiga Buah Negeri Yang Terlibat.	40
3.7 Item Dalam Dimensi Ciri-Ciri Keusahawanan	42
3.8 Indeks Kebolehpercayaan Instrumen	43
3.9 Tatacara Penganalisisan Data	44
3.10 Jadual Penentuan Tahap	45
3.11 Jadual Pekali Korelasi	45
4.1 Taburan Profil Demografi Responden Kajian	47
4.2 Profil Responden Yang Mempunyai Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan Dalam Tiga Sumber Yang Telah Dikenalpasti	48

4.3	Profil Responden Yang Mempunyai Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan Dalam Tiga Sumber Yang Telah Dikenalpasti Mengikut Jantina	49
4.4	Profil Responden Dalam Empat Pilihan KHB Berdasarkan Jantina	50
4.5	Min, Sisihan Piawai, Nilai Minimum dan Nilai Maksimum Untuk Tekad Keusahawanan Tani Pelajar	51
4.6	Peratus dan Min Item Tekad Keusahawanan Tani Di kalangan Pelajar Pertanian	52
4.7	Min, Sisihan Piawai, Nilai Minimum dan Nilai Maksimum Untuk Ciri-Ciri Keusahawanan Pelajar	53
4.7a	Peratus dan Min Item Motivasi Dikalangan Pelajar Pertanian	54
4.7b	Peratus dan Min Item Kreatif dan Inovatif Dikalangan Pelajar Pertanian	55
4.7c	Peratus dan Min Item Keyakinan Diri Dikalangan Pelajar Pertanian	56
4.7d	Peratus dan Min Item Lokus Kawalan Dalam Dikalangan Pelajar Pertanian	57
4.7e	Peratus dan Min Item Kesanggupan Mengambil Risiko Dikalangan Pelajar Pertanian	58
4.8	Min, Sisihan Piawai, Nilai Minimum dan Nilai Maksimum Untuk Efikasi Keusahawanan Pelajar	59
4.9	Peratus dan Min Item Efikasi Keusahawanan Dikalangan Pelajar Pertanian	60
4.10	Min, Sisihan Piawai, Nilai Minimum dan Nilai Maksimum Untuk Nilai Sosial Keusahawanan Tani Pelajar	61
4.11	Peratus dan Min Item Nilai Sosial Keusahawanan Tani Dikalangan Pelajar Pertanian.	62
4.12	Ujian Korelasi Pearson Antara Tekad Keusahawanan Tani Dengan Ciri-Ciri Keusahawanan	63
4.13	Ujian-t Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Jantina	64

4.14	Analisis Perbezaan antara Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pekerjaan Bapa	64
4.15	Ujian ANOVA satu hala Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pekerjaan Ibu	64
4.16	Ujian-t Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pengalaman Perniagaan dan Keusahawanan	65
4.17	Ujian ANOVA satu hala Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Pilihan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	66
4.18	Ujian ANOVA satu hala Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Mengikut Aliran	66
4.19	Ujian-t Perbezaan Tekad Keusahawanan Tani Pelajar Mengikut Lokasi Sekolah Bandar dan Luar Bandar	67

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991)	31
2.2 Model Tekad Keusahawanan Kruger dan Casrud (1993)	32
2.3 Model Tekad Keusahawanan Davidsson (1995)	33
2.4 Model Adaptasi Tekad Keusahawanan Bird (1988)	34
2.5 Kerangka Konseptual Kajian	36

SENARAI SINGKATAN

AS	Amerika Syarikat
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
BPPDP	Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Dasar Pendidikan
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
EIQ	<i>'Entrepreneurial Intention Questionnaire'</i>
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
IKM	Institut Kemahiran MARA
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KHBSM	Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah
KHBSR	Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah
KT	Kemahiran Teknikal
KVP	Kolej Vokasional Pertanian
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBA	<i>'Master of Business Administration'</i>
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
PK	Perdagangan dan Keusahawanan
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memperihalkan tentang latar belakang kajian , pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah bagi tekad keusahawanan tani, ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani.

1.2 Latar Belakang Kajian

Salah satu bidang keusahawanan yang menjadi tumpuan utama ialah keusahawanan tani. Mahfoor (2007) menjelaskan dalam konteks Negara Malaysia, usahawan tani tidak hanya bermaksud usahawan dalam bidang pertanian tulen dan yang berkaitan perniagaan pertanian sahaja, tetapi ia juga termasuk para petani yang berubah dari pertanian tradisional kepada perusahaan berorientasikan perniagaan. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk membudayakan masyarakat dengan kerjaya usahawan tani bermula dari peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS) serta masyarakat umum. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menambah peruntukan bagi pelaksanaan Program Inkubator Usahawan Belia Tani dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi menarik lebih ramai penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian (Kementerian Asas Tani, 2012).

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang telah dilancarkan pada tahun 2006, kerajaan telah merencanakan aspek memperkasakan pertanian baru yang merangkumi aspek pertanian komersial, bioteknologi serta menekankan aspek pertanian sebagai satu perniagaan (Malaysia, Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006). Kesenambungan ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) di mana berdasarkan laporan portal rasmi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2012), kerajaan akan menambah peruntukan bagi pelaksanaan Program Inkubator Usahawan Belia Tani dalam RMK-10 bagi menarik lebih ramai penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian. Transformasi ini memerlukan pembudayaan keusahawanan dalam bidang pertanian supaya dapat melahirkan satu generasi usahawan tani yang terdiri daripada golongan belia yang mempunyai pendidikan bagi menerajui usaha merevolusikan bidang pengeluaran makanan dalam sektor pertanian.

Fatimah Mohamed Arshad (2005) menjelaskan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan menetapkan untuk mencapai imbalan positif dalam imbalan pembayaran makanan. Salah satu strategi adalah dengan mewujudkan persekitaran perniagaan pertanian yang dinamik yang dipandu oleh usahawan tani. Norhasni (2007) menjelaskan

bahawa proses melahirkan usahawan tani seharusnya melibatkan golongan belia terutamanya yang berpendidikan bagi mengubah persepsi dan mentaliti belia terhadap bidang pertanian. Belia yang dimaksudkan di sini ditakrifkan sebagai golongan lepasan sekolah yang berusia 18 tahun ke atas sehingga peringkat awal dewasa iaitu 40 tahun.

Hasrat kerajaan pada masa kini ialah melahirkan ramai golongan belia yang menceburi pelbagai bidang keusahawanan dan salah satunya ialah bidang keusahawanan pertanian. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menarik minat usahawan belia tani daripada golongan muda kerana dalam masa yang sama mereka boleh membantu kerajaan mengurangkan import bahan makanan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2012). Justeru itu, melalui Kementerian Pelajaran Malaysia, kerajaan telah menyemarakkan lagi usaha membudayakan keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menyemai budaya keusahawanan ini di peringkat sekolah rendah lagi di mana unsur-unsur keusahawanan digabungkan dalam mata pelajaran matematik. Kesenambungannya diteruskan di peringkat menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang diperkenalkan bermula tahun 1991 serta di peringkat menengah atas melalui mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi (PPK, 2004).

Di bidang pertanian pula, pendidikan pertanian itu sendiri telah diperkenalkan pada peringkat sekolah rendah lagi. Tajuk berkaitan pertanian yang terdiri daripada komponen menjaga tumbuhan hiasan, memelihara ikan hiasan dan menanam sayuran dimasukkan di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah (KHBSR) yang dipelajari oleh pelajar-pelajar tahun 4, 5 dan 6. Di peringkat menengah rendah pula (tingkatan 1 hingga 3), komponen pertanian diajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah (KHBSM) manakala di peringkat menengah atas (tingkatan 4 dan 5), bidang pertanian ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif teknologi (Sains Pertanian dan Agroteknologi) yang mana ia ditawarkan di SMK (Sains Pertanian sahaja) dan SMT (Sains Pertanian dan Agroteknologi). Satu lagi ialah elektif vokasional yang terbahagi kepada dua jenis iaitu Mata Pelajaran Vokasional (MPV) teknotani di SMK dan Kursus Vokasional Pertanian (KVP) ditawarkan di SMT (PPK, 2004).

Selepas persekolahan menengah atas, para belia ini juga berpeluang untuk meneruskan pendidikan yang khusus dalam bidang-bidang keusahawanan pertanian seperti di Institut Pertanian, Kolej Komuniti, Kolej Swasta serta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di seluruh negara. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui langkah yang proaktif telah melancarkan Skim Usahawan Belia Tani. Golongan belia yang terlibat dalam skim ini dihantar berkursus di Jepun untuk mempelajari selok belok pertanian moden. Projek ini mendapat kerjasama kerajaan-kerajaan negeri yang mengkhusus kepada pengeluaran makanan dengan matlamat mewujudkan usahawan tani yang berjaya menghasilkan produk pertanian berskala besar; dan memperolehi pendapatan bersih tidak kurang daripada RM3000 sebulan (Kementerian Asas Tani, 2006).

Mengikut beberapa kajian yang telah dijalankan dan laporan oleh jabatan perangkaan menunjukkan secara realitinya pada hari ini, peratus atau angka belia yang terlibat dalam bidang kerjaya usahawan atau usahawan tani ini amat kecil tidak seperti yang diharapkan. Menurut Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2009), peratusan usahawan di Malaysia agak kecil iaitu tidak melebihi 26% daripada keseluruhan penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Peratusan itu juga menunjukkan arah yang menurun daripada 25.1% pada 1982 kepada 20.9% pada 2008.

Manakala penglibatan usahawan mengikut kohort umur pula menunjukkan bidang usahawan di Malaysia dipelopori oleh mereka yang agak berumur, di mana 59.5% usahawan pada tahun 2008 terdiri daripada mereka yang berumur 45 hingga 64 tahun. Kajian Sharifah Irda Natasha (2005) menunjukkan usahawan tani yang telah diiktiraf sebagai peladang jaya di Malaysia sebahagian besarnya (46.9%) berumur melebihi 46 tahun, manakala hanya (15.6%) berumur kurang dari 30 tahun. Kajian oleh Zainalabidin et al. (2011) juga mendapati 55.7% peladang di Semenanjung Malaysia terdiri daripada mereka yang berumur 46 tahun keatas. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Datuk Mohd Johari Baharum dalam ucapannya semasa menyampaikan sijil kepada peserta Program Inkubator Usahawan Belia Tani di Jerteh, Terengganu pada 20 Oktober 2009 telah menjelaskan bahawa industri pertanian masa kini amat kurang diceburi oleh golongan muda dan negara kini agak terdesak serta memerlukan pelapis usahawan tani daripada golongan muda (Portal Rasmi Jabatan Veterenar Pulau Pinang, 2009). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa negara kita sangat ketandusan usahawan tani terutama dari kalangan belia.

Fatimah Mohd Arshad (2005) melaporkan walaupun kerajaan telah menggariskan perancangan dan strategi yang merangkumi penyediaan persekitaran perniagaan yang menggalakkan, pendidikan latihan yang berterusan, insentif fiskal, sokongan kredit, teknologi dan infrastruktur yang mencukupi dalam dokumen pembangunan keusahawannya, namun bilangan usahawan tani yang dilahirkan masih di bawah kadar yang dijangka. Aidit dan Husnizam (2005) melaporkan bahawa memang ada golongan belia yang berjaya dalam industri pertanian dan membuktikan bahawa pertanian itu merupakan satu perniagaan yang menguntungkan tetapi angka peratus yang terlibat dalam bidang ini adalah terlalu kecil. Norsida Man (2008) dalam kajiannya terhadap persepsi belia tani terhadap pertanian dan keperluan pendidikan pertanian, melaporkan bahawa walaupun banyak program dan rancangan pendidikan belia tani dianjurkan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan, namun jumlah penyertaan belia sebagai belia tani masih tidak menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Namun sebaliknya terdapat kajian-kajian seperti kajian Zakaria (1998), Hisyamuddin (2007), Rohana (2010) dan beberapa kajian lain yang menunjukkan sememangnya remaja atau belia-belia ini mempunyai tekad yang tinggi untuk menjadikan bidang keusahawanan atau keusahawanan tani sebagai bidang kerjaya mereka apabila menamatkan pengajian.

Rohana (2010), dalam kajiannya terhadap minat kerjaya pelajar yang mengambil elektif Mata Pelajaran Vokasional (MPV) teknotani mendapati daripada 182 pelajar yang memilih kerjaya dibidang pertanian, 107 orang atau (58.8%) daripadanya mempunyai minat kerjaya sebagai usahawan tani.

Zakaria (1998) melaporkan 54.3% responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Vokasional Pertanian, menyatakan mereka bercita-cita untuk menjadi usahawan pertanian. Manakala kajian Hisyamuddin (2007), mendapati 133 orang pelajar daripada 166 pelajar bidang keusahawanan yang dikaji mempunyai tekad keusahawanan yang tinggi.

Tekad keusahawanan mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan. (Zaidatol Akmaliah, 2007). Tekad merupakan pencetus kepada tingkah laku seterusnya dalam aktiviti berkaitan perniagaan di mana seseorang yang bertekad untuk menjadi usahawan bukanlah sekadar angan-angan tetapi melibatkan perancangan, pengorbanan masa, tenaga, keupayaan ilmu, kemahiran dan kemampuan diri untuk sanggup menanggung risiko dan kegagalan (Zaidatol Akmaliah dan Hisyamuddin, 2010).

Ciri-ciri keusahawanan yang sedia ada dalam diri seseorang antara elemen yang dikenal pasti dapat mempengaruhi tekad keusahawanan seseorang. Ini seperti yang dijelaskan oleh Kuratko dan Welsch (1994) di mana ciri-ciri keusahawanan di dalam diri seseorang boleh menggalakkannya menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, kajian lepas juga menunjukkan bahawa efikasi keusahawanan juga merupakan faktor yang boleh mempengaruhi tekad keusahawanan seseorang. Zaidatol Akmaliah dan Hisyamuddin (2010), menjelaskan bahawa efikasi keusahawanan merupakan faktor yang penting dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tekad keusahawanan. Ini diperkuatkan lagi dengan penjelasan oleh Naktiyok et al. (2010) yang menjelaskan bahawa efikasi keusahawanan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tekad keusahawanan seseorang

Tekad keusahawanan seseorang juga berkait rapat dengan nilai sosial iaitu mengambil kira bagaimana budaya masyarakat setempat dilihat menghargai aktiviti keusahawanan (Thomas dan Muller 2000). Baughn et al. (2006) menjelaskan bahawa persepsi seseorang terhadap sokongan komuniti terhadap kerjaya keusahawanan memainkan peranan yang efektif dalam meningkatkan tekad keusahawanan seseorang.

1.3 Penyataan Masalah

Bilangan belia yang betul-betul menceburi bidang keusahawanan tani di Malaysia adalah sangat sedikit tidak seperti yang diharapkan. Bukti kekurangan belia yang menceburi bidang keusahawanan atau keusahawanan tani ini adalah seperti yang telah dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2009), Aidit dan Husnizam (2005), Norsida Man (2008) dan Zainalabidin et al. (2011). Namun sebaliknya terdapat kajian-

kajian seperti kajian Zakaria (1998), Hisyamuddin (2007), Rohana (2010) dan beberapa kajian lain yang menunjukkan remaja atau belia-belia ini bertekad untuk menjadikan bidang keusahawanan atau keusahawanan tani sebagai bidang kerjaya mereka apabila menamatkan pengajian.

Isunya di sini ialah mengapa pelajar-pelajar yang bercita-cita, berminat dan bertekad untuk menjadi usahawan tani ini, tidak memilih kerjaya sebagai usahawan tani apabila mereka menamatkan pengajian mereka. Dalam kajian ini penyelidik memfokuskan kepada kajian berkaitan tekad berbanding cita-cita dan minat kerana tekad menggambarkan kontinum tertinggi di mana menjadi seorang usahawan bukan sekadar angan-angan tetapi melibatkan perancangan, pengorbanan masa, tenaga, keupayaan ilmu, kemahiran dan kemampuan diri untuk sanggup menanggung risiko dan kegagalan (Zaidatol Akmaliah dan Hisyamuddin, 2010)..

Pengkaji juga memilih untuk menentukan hubungan di antara ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan serta nilai sosial keusahawanan tani dengan tekad keusahawanan tani. Ini adalah kerana terdapat kajian yang menunjukkan terdapatnya hubungan ciri-ciri keusahawanan dengan tekad keusahawanan (Radzali, 1991), hubungan efikasi keusahawanan dengan tekad keusahawanan (Naktiyok et al., 2010) dan hubungan tekad keusahawanan dengan nilai sosial (Linan et al., 2011).

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap tekad keusahawanan tani dalam kalangan pelajar pertanian di samping mengenal pasti hubungan tekad keusahawanan tani dengan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial usahawan tani. Penyelidik berpendapat kajian ini adalah penting bagi mengenal pasti tahap tekad keusahawanan tani pelajar serta faktor-faktor yang mempengaruhi tekad keusahawanan tani mereka agar boleh dijadikan panduan untuk memupuk tekad keusahawanan tani para pelajar sehingga mereka menjadikan usahawan tani sebagai kerjaya sebenar mereka. Penyelidik memilih untuk menjalankan kajian tekad keusahawanan tani ini kerana ingin mengenal pasti tekad keusahawanan tani pelajar pertanian diperingkat sekolah.

Perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini ialah kebanyakannya kajian sebelum ini tertumpu kepada tekad keusahawanan secara umum dan tertumpu kepada golongan lepasan sekolah. Di antara kajian-kajian tersebut ialah seperti kajian oleh Wan Syukry (2004), Hisyamuddin (2007), Zaidatol Akmaliah dan Hisyamuddin (2010), Rohana (2010) dan Zakaria (1998).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menentukan samada terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani dengan tekad keusahawanan tani pelajar serta membandingkan tekad keusahawanan tani berdasarkan beberapa faktor demografi pelajar. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan tahap tekad keusahawanan tani, ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani pelajar.
- 2.. Menentukan hubungan ciri-ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani dengan tekad keusahawanan tani pelajar.
3. Membandingkan perbezaan tekad keusahawanan tani berdasarkan jantina, pekerjaan ibu dan bapa, pengalaman berniaga pelajar, aliran yang diikuti pelajar serta pelajar di lokasi sekolah bandar dan luar bandar.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap tekad keusahawanan tani pelajar.
2. Apakah tahap ciri-ciri keusahawanan diri pelajar.
3. Apakah tahap efikasi keusahawanan pelajar.
4. Apakah tahap nilai sosial keusahawanan tani pelajar.
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dengan tekad keusahawanan tani.
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi keusahawanan dengan tekad keusahawanan tani.
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara nilai sosial keusahawanan tani dengan tekad keusahawanan tani.
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tekad keusahawanan tani berdasarkan faktor demografik iaitu jantina, jenis pekerjaan ibubapa, pengalaman perniagaan, aliran pengajian serta lokasi sekolah pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari sudut pelajar, tenaga pengajar, pentadbir sekolah, penggubal kurikulum serta masyarakat umum.

Pelajar akan mengetahui kepentingan ciri-ciri keusahawanan diri, kepercayaan dan keyakinan serta kemampuan diri sendiri dan serta pengaruh individu yang rapat dengan mereka dalam meningkatkan tekad keusahawanan tani mereka.

Tenaga pengajar yang mengajar subjek keusahawanan dan subjek pertanian berperanan mengeluarkan pelajar yang akan memilih kerjaya sebagai usahawan tani apabila menamatkan pengajian mereka nanti. Hasil daripada dapatan kajian ini, tenaga pengajar dapat mengenalpasti tekad pelajar untuk menceburi kerjaya sebagai usahawan tani serta faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tekad pelajar untuk menjadi usahawan tani. Oleh itu tenaga pengajar boleh menyediakan perancangan dan strategi pengajaran yang berkesan bagi memastikan minat terhadap kerjaya sebagai usahawan tani dipupuk dengan menerapkan efikasi keusahawanan diri.

Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada pentadbir sekolah agar dapat memberi penekanan kepada aspek-aspek yang boleh meningkatkan tekad keusahawanan tani pelajar di dalam perancangan strategik sekolah.

Bagi penggubal kurikulum keusahawanan dan pertanian, hasil kajian ini boleh memberi panduan agar kurikulum yang diimplimentasi sepatutnya menggabungkan elemen yang boleh meningkatkan ciri-ciri keusahawanan pelajar, meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pelajar bahawa mereka mampu membuka perniagaan pertanian sendiri apabila menamatkan pengajian nanti.

Masyarakat umum juga boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai panduan untuk meneroka maklumat berkaitan kerjaya usahawan tani dan seterusnya memberi sokongan dan galakan kepada belia yang bertekad menceburi kerjaya sebagai usahawan tani.

Semoga hasil kajian ini boleh memberi panduan kepada pihak berkaitan dalam memupuk minat pelajar-pelajar tersebut sehingga menjadi realiti dan seterusnya memenuhi hasrat murni kerajaan untuk melihat pertumbuhan bilangan usahawan khususnya usahawan dalam bidang pertanian. Kepada pengkaji-pengkaji bidang keusahawanan pertanian pula, diharapkan kajian ini dapat menjadi perintis kepada kajian-kajian seterusnya dalam bidang ini.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terbatas kepada pelajar-pelajar pertanian tingkatan 4 di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah vokasional pertanian di zon tengah Semenanjung Malaysia iaitu di Negeri Perak, Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pahang. Populasi sasaran kajian ini meliputi pelajar-pelajar Tingkatan 4 tahun 2012 yang mengambil mata pelajaran aliran pertanian di sekolah menengah kebangsaan dalam zon tengah Semenanjung Malaysia dan dua sekolah menengah vokasional pertanian di Semenanjung Malaysia.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Tekad Keusahawanan Tani

